

176

NO. SOALAN: 378

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

RUJUKAN : 10693

SOALAN :

Tuan Oscar Ling Chai Yew [SibU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa seseorang yang mati di suatu kawasan lain, tidak dapat membuat sijil kematian di kawasan yang berlainan. Contohnya, seseorang mati di Kuching, tetapi rumahnya di SibU, keluarga hendak membuat sijil kematian di SibU tetapi diberitahu harus mendaftar di Kuching dan mendapatkan sijil kematian di Kuching, ataupun mesti menunggu selama sebulan di SibU untuk mendapat sijil kematian, supaya dikirim dari Kuching. Sila jelaskan.

177

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pendaftaran kematian di negeri Sarawak adalah tertakluk di bawah Seksyen 24, Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1953 [CAP10] yang memperuntukkan bahawa semua kematian di negeri Sarawak hendaklah didaftarkan di Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) di kawasan kematian tersebut berlaku. Walau bagaimanapun, setelah pendaftaran kematian dikemukakan, Sijil Kematian boleh diambil di mana-mana Pejabat JPN yang ditetapkan oleh pemohon.